



UMP jalin kerjasama dengan NIU tawar program dwijjazah

Oleh: EMMA MELATI BURHANUDDIN dan NURUL NADIA NOR HAMRAN

Universiti Malaysia Pahang (UMP) menandatangani memorandum perjanjian (MoA) dengan rakan strategik Northern Illinois University (NIU) bagi menawarkan program dwijjazah kejuruteraan teknologi untuk program Pembuatan, Elektrik dan Tenaga dan Alam Sekitar pada 11 Februari 2015 yang lalu di Amerika Syarikat.

Kerjasama ini bakal menyaksikan graduan ketiga-tiga program ini memperoleh dua ijazah iaitu Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan (Kepujian) dan Ijazah Sarjana Muda Sains Teknologi yang memberikan penekanan terhadap teknologi kejuruteraan oleh pihak NIU.

Dalam majlis itu, UMP diwakili Pemangku Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Dr. Wan Azhar Wan Yusoff manakala NIU diwakili Dekan College of Engineering & Engineering Technology

(CEET), Profesor Dr. Promod Vohra.

“Kolaborasi ini bakal memperat hubungan baik UMP dan NIU sejak tahun 2010 dan usaha bersungguh-sungguh kedua-dua pihak dalam memberi nilai tambah terhadap ketiga-tiga program pengajian ini,”katanya.

Hadir sama dalam program, Dekan Fakulti Teknologi Kejuruteraan (FTeK), Profesor Dr. Zularisam Ab Wahid, Profesor dari Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA), Profesor Dr. Mimi Sakinah Abdul Munaim dan Penolong Pendaftar Kanan, Emma Melati Burhanuddin.

Manakala pihak NIU disertai Naib Presiden Hal Ehwal Antarabangsa, Profesor Dr. Raymond W. Alden III, Dekan CEET, Profesor Dr. Promod Vohra, Pembantu Dekan bagi *Outreach and Undergraduate Programs*, Profesor Dr. Omar Chrayeb, dan Ketua Jabatan Teknologi, Profesor Dr. Cliff Mirman.